

PERANAN TUAN GURU DATO' BENTARA SETIA HAJI NIK ABDUL AZIZ DALAM PERKEMBANGAN ISLAM

Muhammad Zaid bin Shamsul Kamar

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
muhammadzaid@kuis.edu.my

Mohamad Redha bin Mohamad

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
mohamadredha@kuis.edu.my

Nik Najwa A'dila binti Nizam

ABSTRAK

Agama Islam merupakan agama yang telah wujud sejak berabad-abad yang lalu dan telah memperlihatkan kemunculan para ilmuan Islam pada setiap zaman. Alam nusantara terutamanya Malaysia telah melahirkan ramai tokoh ilmuan Islam dan antaranya adalah Tuan Guru Nik Aziz. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan peranan Tuan Guru Nik Aziz dalam perkembangan Islam. Beberapa aspek yang mempengaruhi kecenderungan beliau terhadap perkembangan agama Islam akan dibincangkan. Selain itu, turut akan dibincangkan adalah sumbangan beliau terhadap perkembangan agama Islam di alam nusantara khususnya. Permasalahan kajian ini adalah kerana generasi sekarang dan akan datang semakin melupakan dan tidak mengetahui kewujudan ilmuan tersebut. Kajian ini dilakukan dengan kaedah kajian kepustakaan dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati peranan Tuan Guru Nik Aziz untuk mengembangkan Islam terutama kepada Malaysia adalah sangat banyak. Diharapkan agar kajian ini dapat memberi sumbangan dan manfaat terhadap tokoh keilmuan nusantara khususnya dan agama Islam umumnya.

Kata kunci: *Tokoh, Nik Aziz, Islam*

Pendahuluan

Pada zaman yang semakin mencabar hari ini, para nabi tidak lagi diutus oleh Allah s.w.t. Rasulullah merupakan penutup kepada para nabi dan rasul. Setelah itu, tibalah zaman para alim ulama, tokoh-tokoh pemikir Islam serta cendekiawan Islam untuk memimpin masyarakat ke arah kelangsungan hidup yang berlandaskan Islam yang sebenar. Hal ini telah disebut oleh Allah s.w.t. melalui firmanNya di dalam surah al-Ahzab ayat 21 ;

Maksudnya: Sungguh telah ada pada diri Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu iaitu bagi orang yang mengharap rahmat Allah dan kedatangan hari kiamat dan yang banyak mengingati Allah.

Para ilmuwan Islam sejak zaman kegemilangan Islam hingga ke hari ini adalah sangat ramai. Mereka ini secara tidak langsung menjadi tunjang kepada pelbagai aspek dalam kehidupan terutama pemerintahan negara dan perihal ehwal Islam.

Antara tokoh atau cendekiawan Islam yang boleh dijadikan teladan hidup ialah Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat. Beliau merupakan seorang tokoh pendakwah dan politik Islam yang masyhur di Malaysia khususnya dan di seluruh dunia amnya. Tuan Guru Nik Abdul Aziz merupakan salah seorang Menteri Besar di Kelantan. Beliau juga merupakan seorang ulama yang mempunyai kelebihan yang unik jika dibandingkan dengan para asatizah pada hari ini (Syarafudin Sulaiman 2015). Sifat kewibawaan dan kecekalan serta seorang yang berpandangan jauh turut menjadi aset utama beliau terutama ketika menerajui Negeri Che Siti Wan Kembang.

Riwayat Hidup Tuan Guru Nik Abdul Aziz

Nama serta gelaran Tuan Guru adalah Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat. Beliau merupakan anak kedua hasil daripada perkongsian hidup Tuan Guru Nik Mat bersama isterinya yang pertama iaitu Cik Aminah binti Majid. Tuan Guru Nik Mat mempunyai empat orang isteri dan dikurniakan 27 orang anak. Beliau dilahirkan di Kampung Pulau Melaka pada tahun 1931 dalam keluarga yang berpegang dengan ajaran Islam.

Menginjak usia 31 tahun, Tuan Guru Nik Abdul Aziz mendirikan rumahtangga bersama Sabariah binti Tuan Ishak pada bulan November 1962. Isterinya dilahirkan pada tanggal 1 Januari 1948 dan merupakan anak keempat daripada enam orang beradik. Ketika berkahwin, usia Sabariah adalah 14 tahun. Keluarga Sabariah juga merupakan kenalan rapat keluarga Tuan Guru Nik Abdul Aziz kerana perjuangan mereka dengan terhadap pengajian pondok. Tuan Guru Nik Abdul Aziz adalah penyelia kelas dewasa ketika berkahwin.

Tuan Guru Nik Abdul Aziz menjadi guru di Maahad Muhammadi Kota Bharu pada tahun 1964. Sekitar tahun 1967, beliau bergiat aktif dalam politik setelah memenangi pilihanraya Parlimen Pengkalan Chepa. Tuan Guru Nik Abdul Aziz turut dikurniakan 10 orang cahaya mata hasil perkongsian bersama Datin Sabariah iaitu lima perempuan dan lima lelaki (Syarafudin Sulaiman 2015).

Tuan Guru Nik Abdul Aziz amat mengutamakan kesederhanaan dalam kehidupannya. Beliau tinggal di rumah kayu bersama keluarganya serta tidak mempunyai barangan-barangan yang mewah.

Teladan Kepada Masyarakat

Pemimpin merupakan hamba kepada rakyat. Keperibadian unggul merupakan elemen utama untuk menghasilkan pemimpin yang hebat. Antara keperibadian Tuan Guru Nik Abdul Aziz yang wajar diikuti adalah sifat beliau yang sangat mencontohi kehidupan Rasulullah s.a.w. Hal ini diterjemahkan beliau melalui aspek pemakaiannya seperti sentiasa memakai serban walau dipasangkan dengan apa jua pakaian.

Selain itu, Tuan Guru Nik Abdul Aziz merupakan seorang yang tidak cerewet dan memudahkan orang lain. Beliau merupakan seorang pendengar yang baik, peneliti yang mempunyai pandangan yang tajam dan sentiasa memberi tunjuk ajar berkenaan perkara yang betul. Beliau juga mampu menilai kekuatan yang ada pada seseorang serta cermat menyerahkan tugas mengikut keahlian yang dimiliki. Beliau juga merupakan seorang yang sangat berhati-hati dan berdikari dalam urusan yang mampu diurusnya tanpa bantuan orang lain (Mohd Aizat Mohd Salleh 2011).

Tuan Guru Nik Abdul Aziz merupakan seorang yang sangat serius apabila melibatkan perkara ibadah terutama perkara yang melibatkan solat fardhu. Beliau turut memandang serius perkara yang berkait dengan masa dan penjagaannya. Tuan Guru juga merupakan seorang yang sangat suka membaca (Sassuliza Muhmad 2009). Baginya, membaca adalah prasyarat seseorang untuk mendalami dan memahami akan sesuatu perkara.

Dalam aspek pemerintahan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz melatih pimpinan kerajaan Kelantan untuk hidup dengan budaya dan etika Islam yang betul. Pada awal pemerintahannya di Kelantan, beliau mengarahkan untuk tidak menukarkan kereta rasmi kerajaan untuk pimpinan kerajaan. Beliau juga tinggal di rumahnya sendiri di Kampung Pulau Melaka dan menjadikan kediaman rasmi Menteri Besar Kelantan untuk para tetamu beliau.

Keilmuan Tuan Guru Nik Abdul Aziz

Tuan Guru Nik Abdul Aziz mendapat pendidikan awal dari ayahnya sendiri iaitu Tuan Guru Nik Mat. Ayahnya sangat mementingkan pengajian ilmu agama Islam. Hal ini dibuktikan ketika kecil setiap seorang anaknya wajib untuk mengaji setiap hari dengannya. Tuan Guru Nik Abdul Aziz dikatakan mempunyai kecerdasan minda yang luar biasa sejak kecil. Ini terbukti dengan penguasaan beliau terhadap pelbagai disiplin ilmu dan mampu memahaminya dengan cepat. Kehebatan mindanya juga mampu menandingi pelajar yang lebih berusia darinya. Dengan kebolehan tersebut, beliau diberi keizinan dan kebenaran untuk mengajar pelajar-pelajar yang lebih muda darinya.

Tuan Guru Nik Abdul Aziz ketika berusia enam tahun dihantar oleh bapanya untuk belajar di Sekolah Kebangsaan Kedai Lalat untuk menguasai asas menulis. Tidak seperti anak-anak seusia dengannya, beliau tidak banyak bermain malah lebih gemar mengisi masa dengan mengulangkaji pelajaran dan membuat kerja rumah. Walaupun begitu, beliau turut gemar bermain layang-layang dan gasing.

Kemudian, Tuan Guru Nik Abdul Aziz meneruskan pengajiannya di Kubang Kerian dan berguru kepada Tok Kenali. Di pusat pengajian yang berbentuk aliran pondok ini, beliau menunjukkan minat yang sangat mendalam. Keadaan ini membantu beliau untuk menghafal beberapa kitab matan dengan pantas dan mampu untuk membaca kita-kitab Bahasa Arab (Mohd Salleh Abdul Razak 2011).

Pada usia remaja, Tuan Guru Nik Abdul Aziz berpindah ke Besut. Beliau meneruskan pembelajarannya di Madrasah Tuan Guru Haji Abbas. Nama lain madrasah tersebut adalah Madrasah Ittifaqiyyah dan diasaskan pada tahun 1947. Di sini beliau menguasai beberapa disiplin ilmu untuk amalan seharian. Dikatakan juga bahawa Tuan Guru Nik Abdul Aziz merupakan murid pertama yang mendaftarkan diri untuk belajar di madrasah tersebut.

Pada tahun 1952 beliau dihantar oleh gurunya Ustaz Abdullah untuk belajar di Universiti Darul Ulum, Deoband India. Selama lima tahun di sana, beliau berguru dengan ramai ilmuan terkemuka seperti Maulana Husanin Ahmad Madani, Maulana Mahmud Hassan dan Maulana Syeikh Ali. Kemudian, pada tahun 1957 beliau meneruskan pengembaraan ilmunya ke Lahore Pakistan untuk mendalami ilmu tafsir.

Tawaran dari Muktamar Islam membantu beliau untuk menyambung pengajiannya di Mesir. Muktamar Islam ketika itu dibimbing oleh Raja Arab Saudi, al-Malik Faisal dan Presiden Mesir, Anwar Saddat. Umurnya ketika itu adalah 30 tahun. Tuan Guru Nik Abdul Aziz mengambil bidang pengajian Bahasa Arab kerana minatnya terhadap Bahasa. Beliau menamatkan pengajian di Mesir selepas 4 tahun.

Sumbangan Tuan Guru Nik Abdul Aziz

Tuan Guru Nik Abdul Aziz meninggalkan sumbangan yang banyak terutamanya kepada negeri Kelantan khususnya. Sumbangan beliau meliputi aspek pendidikan, pentadbiran, kemaslahatan agama Islam dan ekonomi Islam.

Dalam aspek pendidikan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz memperkasakan sistem dengan menambah bilangan guru agama yang sedia ada. Beliau turut membantu aktiviti di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK). Beliau juga merupakan salah seorang yang menubuhkan Maahad Tahfiz Sains di Kelantan. Di samping itu, beliau turut menubuhkan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Maahad Tahfiz Pulai Chondong.

Aspek pentadbiran memperlihatkan beliau mengawal selia akaun kerajaan negeri dengan memindahkannya kepada akaun Bank Islam. Selain itu, beliau turut memperkenalkan pinjaman tanpa riba kepada kakitangan kerajaan. Menurut Syarafudin Sulaiman (2015), beliau turut menubuhkan Tabung Serambi Mekah untuk membantu rakyat negeri Kelantan khususnya. Tuan Guru Nik Abdul Aziz turut menubuhkan Tabung Tok Kenali khas untuk membantu golongan yang tidak berkemampuan di samping turut memperkenalkan Skim Takaful Kifaalah (Sassuliza Muhmad 2009).

Selain itu, beliau juga mencadangkan kempen menutup aurat yang seterusnya menghalang aktiviti pelacuran di negeri tersebut. Beliau juga membantu masjid-masjid di negeri Kelantan untuk lebih imarah dengan kepelbagaian program. Tuan Guru Nik Abdul Aziz turut berjaya mengangkat memartabatkan tulisan jawi di Kelantan dengan mengekalkan tulisan jawi di bangunan-bangunan dan nama-nama jalan sekitar Kelantan. Sumbangan Tuan Guru yang lain adalah dengan mengisytiharkan Kota Bharu sebagai Bandar Raya Islam serta mengadakan ujian HIV kepada bakal pengantin (Mohd Salleh Abdul Razak 2011).

Dari aspek pembangunan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz sangat berpegang kepada konsep pembangunan yang syumul. Konsep ini melibatkan keseimbangan antara pembangunan jiwa dan material dan seterusnya menjadi tunjang kepada moto pembangunan di Kelantan iaitu Membangun Bersama Islam (Shukeri Mohamad dan Mohamad Azrien 2016). Ini membawa maksud bahawa setiap dasar yang dirancang dan pelaksanaannya perlulah berteraskan ajaran Islam dan mendambakan keredhaan Allah s.w.t.

Kesimpulan

Tidak dinafikan bahawa Tuan Guru Nik Abdul Aziz merupakan antara tokoh ilmuan Islam yang hebat. Hal tersebut dibuktikan dengan sejarah hidup serta sumbangan beliau dalam pelbagai aspek khususnya dalam pembangunan masyarakat yang berpegang teguh dengan ajaran Islam. Tuan Guru Nik Abdul Aziz seharusnya menjadi salah seorang idola yang perlu diwarisi sifat keperibadian dan ketokohnya oleh masyarakat Malaysia pada hari ini. Ini adalah untuk mengajar generasi akan datang agar mampu untuk mengatasi dan melawan anasir-anasir luar dari menguasai minda dan fizikal masyarakat Malaysia dan seterusnya mampu memartabatkan kelestarian agama Islam.

Rujukan

Al-Quran

Mohd Aizat Mohd Salleh. 2011. *Pemikiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz*. PTS Millennia Sdn Bhd.

Mohd Salleh Abdul Razak. 2011. *Wasiat Sebelum Dirimu Bergelar Ulama*. Telaga Biru.

Sassuliza Muhmad. 2009. *Tuan Guru Nik Abdul Aziz: Tokoh Pendakwah dan Politik Islam Negeri Kelantan*. Universiti Malaysia Sabah

- Shukeri Mohamad dan Mohamad Azrien Mohamed Adnan. 2016. *Tuan Guru Nik Abdul Aziz Pencetus Siasah Syari'ah Dalam Sistem Politik Moden*. Universiti Malaysia Sabah
- Syarafudin Sulaiman. 2015. *Dato' Tuan Guru Nik Abdul Aziz, 1931 – 2015*. Publishing House Sdn.Bhd
- Syarafudin Sulaiman. 2015. *Dia Bukan Lelaki Biasa: Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat*. PTS Publishing House Sdn.Bhd